

Kolej Risdarintis kerjaya

IPTS tunggal tawar diploma dalam bidang pertanian

SEBAGAI institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), Kolej Risdarintis membantu membangunkan modal insan dalam sektor pertanian dan perladangan melalui kursus yang ditawarkan.

Kolej Risdarintis adalah satu-satunya IPTS yang menawarkan kursus pertanian di peringkat diploma untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan separuh mahir dalam bidang berkenaan.

Setiap sesi pengambilan, bilangan pelajar yang mendaftar dalam program Diploma Pertanian meningkat sehingga mencecah lebih 50 peratus jumlah keseluruhan penuntut di Kolej Risdarintis daripada 10 program pengajian yang ditawarkan.

Mengenai peluang pekerjaan, 85 peratus graduan program Diploma Pertanian mendapat kerja manakala selebihnya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Peluang dalam bidang berkaitan pertanian terus terbuka berikutan sektor berkenaan dipergiatkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menyedari hal berkenaan, kolej menyediakan program Diploma Pertanian (kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia) dan Diploma Pengurusan Ladang (kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara) serta Pra-Diploma Sains ditawarkan sebagai asas kepada program Diploma Pengurusan Ladang (Kolej

Risdarintis sebagai Kolej Bersekutu UiTM.

Kedua-dua program mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan dalam proses memperoleh kelulusan penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Selain itu, Kolej Risdarintis memperkenalkan kursus Diploma Pengurusan Landskap bermula sesi Julai 2009.

Pengambilan pelajar bagi program diploma dan sijil akan dibuat pada 1 Julai 2009. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian 06-552 9227/9642 (Kolej Risdarintis Melaka), faks 06-5529963 dan 03-42571677/2677 (Ibu Pejabat Kolej Risdarintis), faks 03-42534831 atau layari www.kolejrisda.edu.my.